



PUSPANITA

(Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam)
Negeri Perak Darul Ridzuan

Penaung : Isteri kepada YAB. Menteri Besar Perak Darul Ridzuan
Penasihat : YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan
Pengerusi : Isteri kepada YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

Pejabat PUSPANITA Negeri Perak Darul Ridzuan, Aras B. Bangunan Perak Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
Tel : 05-522 5873 / 05-253 1957 Faks : 05-242 5502

Ruj. Kami : () dlm.PUS/PK/12
Tarikh : 1 September 2022

**Pengerusi-Pengerusi Biro & Daerah
Ahli-Ahli Jawatankuasa Negeri**

**Semua Ahli-Ahli
PUSPANITA Negeri Perak**

YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

JEMPUTAN MENYERTAI PERTANDINGAN LAGU PATRIOTIK SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN TAHUN 2022 PUSPANITA NEGERI PERAK

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, sempena dengan bulan kemerdekaan ini PUSPANITA Negeri Perak akan menganjurkan Pertandingan **Lagu Patriotik** yang akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:-

Tarikh : 13 September 2022 (Selasa)
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang (saringan)
2.00 petang - 5.00 petang (pertandingan)
Tempat : Dewan Bankuet, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

3. Sehubungan dengan itu, semua Pengerusi-Pengerusi Biro, Pengerusi-Pengerusi Daerah, Ahli-ahli Jawatankuasa Negeri dan Ahli-Ahli PUSPANITA Negeri Perak adalah dijemput hadir untuk memberi sokongan dan memeriahkan majlis ini.

4. Pertandingan ini terbuka kepada semua ahli-ahli PUSPANITA Negeri Perak. **Tarikh tutup penyertaan** adalah pada **9 September 2022 (Jumaat)**. Bersama-sama dengan ini disertakan syarat-syarat dan garis panduan pertandingan untuk makluman peserta. Di mohon semua pegawai membuat hebahan di setiap Jabatan bawah seliaan YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

5. Mohon kerjasama YBhg. Dato'/Tuan/Puan dapat **memberikan pelepasan** kepada Ahli-Ahli PUSPANITA yang terlibat dalam pertandingan dan akan menghadiri program ini sepertimana yang terkandung di dalam arahan Perintah Am Bab C para 42(a).

6. Segala perhatian YBhg. Dato'/Datin /Tuan /Puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT"

Saya yang menjalankan tugas,

(NURULJASWA BT ABD HAMID)
Setiausaha Kehormat
PUSPANITA Negeri Perak

s.k. Pengerusi, PUSPANITA Negeri Perak
Semua Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan / Negeri / Badan Berkanun
Negeri Perak Darul Ridzuan

IPERTANDINGAN LAGU PARTRIOTIK

1. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- 1.1 Peserta hendaklah terdiri daripada ahli-ahli Puspanita sahaja.
AJK DAN KELUARGA TIDAK DIBENARKAN
- 1.2 Penyertaan terbuka kepada semua Jabatan/Badan Berkanun/Daerah (Ahli Puspanita)
- 1.3 Penyertaan boleh dibuat secara solo atau berduet (2 orang)
- 1.4 **Yuran Penyertaan sebanyak RM30.00 akan dikenakan bagi setiap penyertaan (bayaran boleh dibuat semasa pendaftaran di hari pertandingan)**
- 1.5 Sekiranya penyertaan terlalu ramai acara saringan akan diadakan
- 1.6 Terhad kepada 40 penyertaan terawal.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

- 2.1 Lagu Melayu Patriotik ciptaan Anak Malaysia dan dalam Bahasa Melayu
- 2.2 Setiap peserta hanya mempersembahkan sebuah lagu sahaja
- 2.3 Lagu mesti disampaikan dengan iringan muzik dan '*Minus One*' (bukan karaoke) (disediakan oleh peserta)
- 2.4 Pilihan lagu mestilah TIDAK mengandungi elemen sensitif seperti unsur perkauman , agama, politik dan sensitiviti individu.
- 2.5 Pakaian peserta mestilah bersesuaian dengan pilihan lagu dan tidak menjolok mata
- 2.6 Ketua Hakim akan menentukan samada peserta dibenarkan membuat persembahan ulangan jika berlaku kerosakan teknikal pada '*Minus One*' tersebut
- 2.7 Pihak penganjur tidak bertanggungjawab ke atas kerosakan atau masalah yang berlaku pada barang peserta seperti pendrive yang mengandungi '*Minus One*'
- 2.8 Peserta dibenarkan menggunakan khidmat penari dan juga prop tetapi tidak berlebihan
- 2.9 '*Minus One*' hendaklah diserahkan kepada urusetia pada **12.09.2022 (jam 2-5 petang) di Dewan Banquet semasa sesi *rehearsal*.**
- 2.10 Peserta yang melanggar mana-mana peraturan di atas akan dibatalkan penyertaannya serta-merta
- 2.11 Pihak penganjur berhak menolak mana-mana penyertaan yang melanggar syarat penyertaan yang telah ditetapkan
- 2.12 Pihak penganjur berhak menggunakan rakaman nyanyian sewaktu pertandingan sebagai bahan promosi dalam apa jua bentuk media
- 2.13 Pihak penganjur tidak bertanggungjawab jika terdapat pelanggaran hakcipta atau tuntutan oleh mana-mana pihak
- 2.14 Pihak penganjur berhak membuat pindaan terhadap terma dan syarat pertandingan pada bila-bila masa mengikut keperluan.
- 2.15 Keputusan panel hakim adalah muktamad. Sebarang bentuk rayuan tidak akan dipertimbangkan
- 2.16 Tarikh tutup penyertaan adalah pada **09.09.2022 (Jumaat) jam 4 petang.**

3. MASA

- 3.1 Setiap persembahan nyanyian lagu tidak boleh melebihi enam (6) minit

4. PEMARKAHAN

Aspek penilaian meliputi suara (40%) serta gaya dan teknik (60%). Butiran peniaian dalam persembahan lagu patriotik adalah seperti yang berikut:

ASPEK	SUARA (40%)	GAYA DAN TEKNIK (30%)			
		Penghayatan Lagu	Penguasaan Pentas	Kreativiti Penyampaian	Penampilan
PENILAIAN	Vokal				
MARKAH	40	15	15	15	15

5. CARA PENDAFTARAN

Peserta yang berminat untuk mendaftar boleh melakukan pendaftaran melalui pautan atau dengan mengimbas kod QR berikut:

<https://forms.gle/qQsmdkunGyFaBN4w5>



Disediakan oleh:

Biro Sosial dan Kebudayaan
Puspanita Negeri Perak